

PM: Jangan layan pendapat menyatakan industrialisasi jejaskan prestasi pertanian

SHAH ALAM 1 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu orang-orang yang berfikiran waras tidak memberi layanan kepada pendapat yang menyatakan bahawa proses industrialisasi akan menjejaskan prestasi pertanian di negara-negara membangun.

"Pendapat seperti ini selalunya tidak berasas dan sering pula salah. Perancang-perancang ekonomi negara bukanlah terdiri daripada orang-orang yang tidak berpengetahuan luas dan berpengalaman," kata Perdana Menteri.

Berucap semasa melan- carkan pemasaran Proton Saga di sini, beliau menyebut lima faedah mem- bangunkan industri berat di negara ini.

● Industri berat akan dapat menggunakan lebih banyak sumber tempatan.

● Penjimatan tukaran asing.

● Pemindahan teknologi.

● Industri berat mem- beri peluang bagi mewujudkan kemahiran mengurus.

● Industri berat akan membolehkan pengagihan kekayaan kerana ia tidak tertumpu kepada negeri-negeri maju sahaja.

Katanya, kilang-kilang simen, kertas dan palpa, besi waja, kompleks petrokimia dan lain-lain didirikan di negeri-negeri kurang maju yang akan membantu mengurangkan perbezaan pendapatan antara negeri-negeri di Malaysia.

Menurut beliau, proses industrialisasi tidak akan lengkap sehingga negara ini berkeupayaan dalam indu- stri berat kerana memang menjadi amalan semua ne- gara yang ingin menjadi ne- gara perindustrian akan mengadakan industri berat sebagai asas penggerak ke arah matlamat perkem- bangan industri.

"Di samping itu, industri- industri berat terutamanya industri besi dan kejurute- raan, juga akan menyedia- kan asas untuk memajukan teknologi tempatan (home-grown technology).

"HICOM, misalnya, bu- kan saja dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan tetapi juga merupakan tem- pat bagi para jurutera dan ahli-ahli teknikal kita meng- gunakan pengetahuan, mengasah kemahiran dan membuat eksperimen ke

atas idea baru masing-masing," ujar be- liau.

Bahkan, Perdana Menteri yakin industri-industri berat merupakan satu tempat un- tuk mencungkil teknologi pembinaan dan kejurute- raan yang unggul.

"Penubuhan industri- industri berat akan membe- rikan cabaran yang sewajar- nya kepada para jurutera, ahli-ahli sains dan juru-

teknologi kita. Lebih banyak industri seperti ini, maka le- bh lebih mencabarlah teknologi- teknologi ini kepada me- reka.

"Namun demikian, tidak akan berlaku pemindahan teknologi jika kita cuma menunggu teknologi datang bergolek kepada kita. Kita mesti mencari dan mengejar tekonologi dengan penuh minat dan ketabahan hati di mana sahaja teknologi berada," tegas beliau.

UM 2 SEP 1985